



KENYATAAN MEDIA

BARISAN KEPIMPINAN, WARGA KERJA MRT CORP LAFAZ IKRAR BEBAS RASUAH

Kuala Lumpur, 6 Oktober 2017: Ahli Lembaga Pengarah, Barisan Kepimpinan dan warga kerja Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah melafazkan ikrar untuk menghindari amalan rasuah semasa menjalankan tanggungjawab dalam membangunkan projek infrastruktur terbesar di Malaysia.

Sekitar 500 orang telah berkumpul di Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) semalam untuk melafazkan Ikrar Bebas Rasuah secara beramai-ramai.

Ikrar itu diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar dan disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Dzulkifli Ahmad.

Melalui ikrar ini, MRT Corp secara kolektif, telah membuat komitmen untuk menolak semua bentuk rasuah dan salah guna kuasa dan tidak akan terlibat dalam sebarang perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam sebarang urusan berkaitan MRT Corp.

Mereka turut berikrar untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada SPRM dalam membanteras rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Dalam ucapan beliau sebelum ikrar, Dzulkifli berkata MRT Corp menjadi pembawa obor aspirasi serta amanah kerajaan dari sudut kemakmuran pembangunan, dan diamanahkan untuk memenuhi harapan serta kehendak rakyat untuk menikmati tahap kehidupan yang lebih baik melalui kemudahan-kemudahan yang akan disediakan.

"Untuk kekal menjadi sebuah institusi korporat yang profesional, efisien dan berdaya saing, maka MRT Corp perlu turut serta meresapi dan menjiwai penolakan terhadap amalan serta budaya rasuah dan salah guna kuasa," kata Dzulkifli.

Sekiranya budaya rasuah dan penyalahgunaan kuasa tidak dibendung, ini akan merosakkan dan meruntuhkan tujuan penubuhan MRT Corp, tambah Dzulkifli.

Terdahulu dalam ucapan pembukaan beliau, Shahril berkata ia merupakan tanggungjawab organisasi untuk sentiasa membimbing, memberi nasihat dan



mengingatkan warga kerja supaya tidak terlibat dalam rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

“MRT Corp, melalui Unit Integriti akan terus mengadakan program kesedaran untuk memupuk budaya integriti dan meningkatkan nilai etika setiap masa,” tambah Shahril.

Menurut beliau, beliau sangat gembira kerana taraf ketelusan dan tadbir urus yang diamalkan oleh MRT Corp telah diktiraf.

“Kami percaya kami telah berjaya kerana baru-baru ini, Perdana Menteri YAB Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah menyatakan bahawa proses perolehan projek MRT akan menjadi model bagi projek-projek utama Kerajaan,” kata beliau.

Selepas berikrar, Lembaga Pengarah dan Barisan Kepimpinan telah menandatangani dokumen ikrar.

Semasa majlis itu, MRT Corp turut menyerahkan 537 borang permohonan yang diisi oleh warga kerja MRT Corp, termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif dan Barisan Kepimpinan untuk menyertai Sahabat GERAH SPRM. GERAH, atau *Gerakan Revolusi Anti Rasuah* adalah pemangkin bagi perubahan masyarakat dalam menolak dan memusuhi rasuah serta penyalahgunaan kuasa.

Terdahulu sebelum ikrar, Timbalan Pesuruhjaya SPRM (Operasi), YBhg Dato’ Sri Haji Azam Baki menyampaikan ceramah eksekutif kepada Barisan Kepimpinan dan warga kerja MRT Corp, dan menekankan pendirian SRPM terhadap rasuah.

Pada 17 Julai 2017, MRT Corp telah berjaya melaksanakan sepuluh inisiatif anti rasuah, di bawah Ikrar Integriti Korporat. Bersama dengan upacara Ikrar Bebas Rasuah, gabungan inisiatif ini memperkuatkan komitmen teguh MRT Corp ke arah budaya integriti.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my